



**BEBERAPA** murid melakukan aktiviti program **SAINS on Wheels** di SK Felda Cerul, Kemaman, kelmarin.

# 1,000 pelajar sertai SAINS on Wheels

**KEMAMAN 3 Nov.** - Lebih 1,000 pelajar dari enam sekolah di empat daerah di negeri ini menyertai program **SAINS on Wheels** anjuran Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDEC) di Sekolah Kebangsaan (SK) Felda Cerul dekat sini semalam.

Program sehari bagi memperkukuhkan minat pelajar terutama dalam bidang teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT) itu dijayakan dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA) dan rakan industri, ternyata cukup mengujakan mereka.

Edisi kali keenam ini melibatkan penyertaan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Renek dan SMK Tembila bagi daerah Besut; SMK Mercang bagi daerah Marang dan SMK Padang Kemunting bagi daerah Kuala Terengganu manakala SK Felda Cerul dan SMK Ceneh bagi daerah ini.

Mereka dibantu oleh 40 pelajar dan enam pensyarah dari Fakulti Matematik dan Sains Gunaan, UMT dan Fakulti Informatik dan Komputeran UnisZA serta sokongan rakan-rakan industri terdiri daripada Keysight Technologies, Freescale, Dream Wave dan DreamCatcher.

Pengarah Bahagian Talent, **Im-**

**ran Kunalan Abdullah** ketika ditemui berkata program dirangka khas oleh MDEC sebagai peneraju utama agenda ICT Nasional menerusi Inisiatif Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia.

“Program bertujuan untuk mendekati, memberi pendidikan serta menyemai minat pelajar dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematika (STEM) dan peluang kerjaya dalam bidang ICT,” katanya kepada pemberita pada majlis penutup yang disempurnakan oleh Menteri Komunikasi Dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Belau menjelaskan, perkataan **SAINS** dalam program tersebut adalah singkatan bagi *Science in Action Inspiring the Next Scientist* bertujuan menyemai minat pelajar terhadap dalam aliran sains dengan hasrat untuk menjadi saintis hadapan manakala *on wheels* menggariskan pengembaraan ke sekolah-sekolah terpilih di luar bandar.

Sementara itu, Guru Besar SK Felda Cerul, **Suhaidi Mohamad**



**ALIFFAH HANIS FARHANA SUHAIDI**



**AMIR HAZIQ RASHDAN SUHAIDI**

**Amin**, 47, ketika ditemui berkata, program seumpama ini dapat mendedahkan pelajar luar bandar terhadap dunia ICT.

“Kebanyakan pelajar luar bandar ini kurang terdedah dengan pengetahuan tersebut kerana keadaan sosioekonomi keluaraga mereka.

Memasukkan talian internet di rumah tentunya bukan keutamaan kerana memerlukan kos,” katanya.

**Amir Haziq Rashdan Suhaidi**, 11, dari SK Ceneh Baru berkata, dia teruja mengikuti program sebegini kerana dapat membuka minda dan menambah pengetahuan dalam bidang sains.

**Aliffah Hanisfarhana Suhaidi**, 17, dari SMK Ceneh pula berkata, program iri ini memberi pengetahuan baharu dalam sains.

Calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia itu menganggap program yang diadakan ini dapat memantapkan persiapannya untuk menghadapi peperiksaan yang akan menentukan masa depannya.